

**MAKLUMAN PELAKSANAAN VERIFIKASI PENILAIAN AKHIR SECARA DALAM TALIAN DI PUSAT BERTAULIAH (PB),
JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN (JPK), KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA SEPANJANG TEMPOH PERINTAH
KAWALAN PERGERAKAN (PKP) – kemaskini 8 Jun 2021**

Ruj : JPK/700/5 /Jld. 43 (31)

Tarikh : 28 Mei 2021

Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan telah bersetuju bagi melaksanakan Verifikasi Penilaian Akhir Secara Dalam Talian Di Pusat Bertauliah Jabatan Pembangunan Kemahiran sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pengerakan (PKP). Kaedah pelaksanaan adalah seperti berikut :

PELAKSANAAN VERIFIKASI AKHIR BAGI TAHAP 1/ TAHAP 2 / TAHAP 3 / PROGRAM NCS DAN MODULAR SECARA DALAM TALIAN

PORTFOLIO DAN KERJA KURSUS- SECARA DALAM TALIAN	PENILAIAN AKHIR TEORI – SECARA DALAM TALIAN
PB perlu menyediakan akses dokumen untuk semakan Pegawai Pengesah Luaran (PPL) melalui kaedah berikut: (i)E-portfolio atau (ii) video dikawal oleh pihak ketiga (cth: PP, PPD) yang akan memberi akses kepada PPL bahagian dokumen yang perlu disemak	<u>A. PB hendaklah menyediakan:</u> (i) Aplikasi dalam talian seperti Google Meet/Google Classroom/Moodle/RC TVET/apa-apa medium aplikasi yang bersesuaian. (ii) Dua(2) set soalan dan medium aplikasi (google classroom Moodle). Jumlah soalan yang perlu disediakan adalah berdasarkan mengikut kredit atau bukan kredit: a) Kredit : 40 soalan + tambahan 25% soalan b) Bukan Kredit: 60 soalan + tambahan 25% soalan

	<u>B: PB hendaklah memastikan:</u> (i) Keadatangan pelatih boleh dijana melalui sistem (ii) Soalan boleh dijana secara rawak pada satu-satu masa (iii) Sistem boleh di <i>login</i> pada <i>channel</i> yang betul (tiada <i>double login</i>)- unik IP address (iv) Kamera perlu diaktifkan semasa mengambil ujian (secara rawak atau pada masa-masa tertentu atau bila diminta oleh PPL) (v) PB perlu menetapkan tetapan masa exam dan pelajar perlu <i>login</i> pada masa yang telah ditetapkan itu. (vi) Sekiranya terdapat masalah gangguan talian maka PB perlu menyediakan SOP yang membolehkan calon dapat menamatkan penilaian tersebut. (cubaan untuk 2 kali sahaja). (vii) Kerahsiaan soalan di mana soalan Akhir hanya boleh dilihat atau dibuka pada hari dan masa yang ditetapkan sahaja.
--	--

PELAKSANAAN VERFIKASI AKHIR BAGI TAHAP 4 / TAHAP 5 / PROGRAM NCS DAN MODULAR SECARA DALAM TALIAN:

PORTFOLIO DAN KERJA KURSUS – SECARA DALAM TALIAN	PENILAIAN AKHIR TEORI – SECARA DALAM TALIAN	LATIHAN INDUSTRI	PROJEK AKHIR – SECARA DALAM TALIAN
PB perlu menyediakan akses dokumen untuk semakan PPL melalui kaedah berikut: (i) E-portfolio atau (ii) video dikawal oleh pihak ketiga (cth:PP, PPD) yang	<u>A. PB hendaklah menyediakan:</u> (i) Aplikasi dalam talian seperti Google Meet/Google Classroom/Moodle/RC TVET/apa-apa medium aplikasi yang bersesuaian. (ii) Dua(2) set soalan dan medium aplikasi (google classroom Moodle). Jumlah soalan yang perlu disediakan	a) Bagi pelatih yang tidak mempunyai masalah penempatan Latihan industri, kaedah sediaada digunapakai b) Bagi pelatih yang mempunyai masalah penempatan Latihan industri, pelatih hendaklah menyediakan kertas kerja atau tugas yang boleh menghasilkan projek bersesuaian dengan program kemahiran. Tugas hendaklah tidak sama dengan Projek Akhir	Pembentangan Projek Akhir dan demonstrasi hasil kerja dilaksanakan secara dalam talian.

akan memberi akses kepada PPL 3ahagian dokumen yang perlu disemak	adalah berdasarkan mengikut kredit atau bukan kredit: a) Kredit : 40 soalan + tambahan 25% soalan b) Bukan Kredit: 60 soalan + tambahan 25% soalan <u>B: PB hendaklah memastikan:</u> (i)Kedatangan pelatih boleh dijana melalui sistem (ii) Soalan boleh dijana secara rawak pada satu-satu masa (iii) Kamera perlu diaktifkan semasa mengambil ujian (secara rawak atau pada masa-masa tertentu atau bila diminta oleh PPL) (iv) PB perlu menetapkan tetapkan masa exam dan pelajar perlu <i>login</i> pada masa yang telah ditetapkan itu. (vi) Sekiranya terdapat masalah gangguan talian maka PB perlu menyediakan SOP yang membolehkan calon dapat menamatkan penilaian tersebut. (cubaan untuk 2 kali sahaja). (vii) Kerahsiaan soalan dimana soalan Akhir hanya boleh dilihat atau dibuka pada hari dan masa yang ditetapkan sahaja.		
--	---	--	--

PELAKSANAAN VERFIKASI PENILAIAN AKHIR AMALI SECARA DALAM TALIAN BAGI TAHAP 1/2 /3 /4 /5/ PROGRAM NCS DAN PROGRAM MODULAR SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

A. Pusat Bertauliah (PB) hendaklah menyediakan soalan Penilaian Amali berpandukan kriteria berikut:

• Jumlah Bilangan Set Soalan	:	2 set soalan disediakan
• Bilangan Soalan untuk dikemukakan kepada Setiap Calon	:	Mengikut kepada kategori komponen : a) Persediaan bahan/peralatan (30%) b) Proses Kerja (60%) c) Keselamatan (10%)
• Pemarkahan setiap soalan	:	Mengikut skala pemarkahan
• Peruntukan Masa Menjawab Soalan Amali Secara Dalam Talian	:	20 minit
• Markah lulus minimum	:	60%

B. PB hendaklah menyediakan Jadual Pemarkahan bagi setiap calon berdasarkan kaedah pemarkahan seperti berikut:

(i) PEMBERAT (WEIGHTAGE) :

PB perlu sediakan pemberat bagi setiap komponen seperti berikut:

KOMPONEN	PEMBERAT
Persediaan bahan / peralatan	30%
Proses Kerja	60%
Keselamatan / Sikap /Persekitaran	10%

(ii) SKALA PEMARKAHAN

Penilaian setiap Calon adalah berdasarkan skala pemarkahan berikut:

Skala 4: Jawapan diberikan SANGAT menepati keperluan Standard

Skala 3: Jawapan diberikan MENEPATI keperluan Standard

Skala 2: Jawapan diberikan KURANG menepati keperluan Standard

Skala 1: Jawapan diberikan TIDAK menepati keperluan Standard

Skala 0: TIADA Jawapan diberikan

(iii) JADUAL PEMARKAHAN BESERTA KRITERIA PENILAIAN:

CONTOH ARAHAN SOALAN:

Anda diminta untuk menyediakan hidangan sarapan pagi nasi lemak dengan mengutamakan langkah-langkah keselamatan dan etika semasa penyediaan makanan.

NAMA PELATIH	KRITERIA PENILAIAN	PEMBERAT MENGIKUT KOMPONEN	MARKAH (BERDASARKAN SKALA)
	Penyediaan Hidangan Sarapan Pagi Nasi Lemak (100%)		
	1. Terangkan bahan-bahan yang diperlukan untuk memasak nasi lemak	30%	$A/4 * 30\% = X$
	2. Terangkan cara-cara penyediaan nasi lemak a) Nasi b) Sambal c) kacang/ikan bilis/timun/telur	60%	$B/4 * 60\% = Y$
	3. Jelaskan aspek keselamatan ketika penyediaan nasi lemak.	10%	$C/4 * 10\% = Z$
	Jumlah markah diberi		$X + Y + Z \%$

Sekian dimaklumkan, Terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Pembudayaan Norma Baharu dalam Dunia Pekerjaan Sejagat”

Ketua Pengarah

Jabatan Pembangunan Kemahiran

Kementerian Sumber Manusia

Tarikh: